



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 14 MAC 2025 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	- MBSJ SEDIA 1,118 PETAK NIAGA 20 LOKASI BAZAR TANPA TUNAI - VISUAL PETUGAS SKUAD PANTAS MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ) MENGALIH POKOK TUMBANG SEKITAR SS14/1A, SS14/4B SERTA SS15/5 PADA 9 MAC 2025

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	BULK WASTE COLLECTION – MBSJ IN COLLABORATION WITH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD WILL PROVIDE FREE BULK WASTE COLLECTION SERVICES FOR LANDED PROPERTIES FROM MARCH 20 TO 30 IN CONJUNCTION WITH HARI RAYA AIDILFITRI

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBPJ MPAJ	- REBUT KUPON DIGITAL RM15 DI BAZAR - NASI AMBENG PILIHAN TENGKU PERMAISURI - SALUR BARANGAN ASAS DI KONGSI REZEKI - IMARAH RAMADAN RUMAH KEBAJIKAN
2.	THE STAR	MBPJ MPAJ DBKL	- PJ RETAINS HAPPIEST CITY TITLE - ENTREPRENEUR COURSE - RAMADAN CONTRIBUTIONS - DBKL CONDUCTING STUDY ON PARKING CHARGES FOR MIXED DEVELOPMENT AREAS - ELEVATED HIGHWAY OVER DAMANSARA A SNARLING MESS
3.	HARIAN METRO	DBKL	PENIAGA BAZAR JALAN TAR TAK PUAS HATI KHEMAH TAK BERKUALITI

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	- PERLUAS KUPON DIGITAL BAZAR RAMADAN - MANFAAT GERAN TINGKAT KEMUDAHAN - OPR KEKAL TIGA PERATUS KALI KE-11
2.	THE STAR	WE RISK BECOMING CARBON WASTE DUMP
3.	SINAR HARIAN	- LZS SASAR KUTIPAN ZAKAT RM208 JUTA RAMADAN TAHUN INI - TANGANI ISU PERKHIDMATAN AWAM 5,272 BELIA BANKRAP SEJAK 2020 – HANNAH - KERAJAAN DAHULU MAHU BERIKAN DANA SECARA PERCUMA - PASTIKAN TIADA ANAK MUDA DI KETENGAH TERCICIR PELUANG DISEDIA KERAJAAN – PM - PINJAMAN RM1.1 BILION PERLU DIBAYAR BALIK - PERBUATAN BERPURA- PURA TONJOL SISI BAIK HANYA JERAT DIRI SENDIRI
4.	KOSMO	JUMLAH CARUMAN I-SARAAN RM2.6b
5.	HARIAN METRO	- SERBU PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM HARAM KOTOT DAN BUSUK! - SPRM KESAN 8 SIJIL TERPALIT PENIPUAN

BIL	AKHBAR	TAJUK
6.	BERITA HARIAN	- DUA PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM KOTOR, BUSUK DISITA - RAI KEPELBAGAIAN SEMAI KEHARMONIAN 'RUMAH MALAYSIA'
7.	UTUSAN MALAYSIA	- PROSES TUNTUTAN WANG TIDAK DITUNTUT PERLU MUDAH, LEBIH FLEKSIBEL - HADKAN GUNA BNPL UNTUK BARANG TERTENTU SAHAJA - PERKUKUH JENAMA MADANI UNTUK KEMALANGAN KEPERCAYAAN RAKYAT
8.	THE SUN	COLLECTIVE DUTY TO MANAGE FOOD WASTE

MBSJ sedia 1,118 petak niaga

20 lokasi bazar tanpa tunai

Oleh SHEEDA FATHIL

SUBANG JAYA - Sebanyak 1,118 petak niaga yang meliputi 20 lokasi bazar Ramadan disediakan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pada tahun ini.

Menurut datuk bandar, ia meliputi tujuh lokasi iaitu zon Puchong diikuti enam (Subang Jaya), Serdang/Seri Kembangan (lima) dan masing-masing satu di zon Kinrara serta Putra Heights.

"Pada tahun ini, MBSJ turut terpilih oleh Agrobank bagi pelaksanaan sistem bayaran tanpa tunai di semua bazar sejajar dengan matlamat membentuk masyarakat tanpa tunai.

"Kita turut melarang penggunaan bekas makanan jenis polisterina dan penyedut minuman plastik di bazar Ramadan MBSJ," kata Dato' Amirul Azizan Abd Rahim dalam kenyataan pada 7 Mac.

Beliau memberitahu MBSJ turut bekerjasama dengan badan bukan kerajaan What A Waste (WaW) untuk melaksanakan Kempen Ramadan Elak Pembaziran Makanan sepanjang Ramadan ini.

"Kempen ini bertujuan mengurangkan sisa berlebihan makanan sepanjang Ramadan melalui pengumpulan dan agihan makanan yang masih elok tetapi

tidak terjual.

"Makanan yang dikumpulkan akan disalurkan oleh WaW ke rumah kebajikan, gelandangan atau mana-mana individu memerlukan bantuan makanan," katanya.

Pasukan WaW akan bertapak di lokasi;

- Bazar Ramadan MBSJ USJ 4, Subang Jaya
- Bazar Ramadan MBSJ SS 19, Subang Jaya
- Bazar Ramadan MBSJ USJ 7, Subang Jaya
- Bazar Ramadan MBSJ BK5, Bandar Kinrara
- Bazar Ramadan Taman Puncak Jalil 3/10, Seri Kembangan

Sementara itu, MBSJ menyediakan sebanyak 60 petak niaga kepada penjaja kecil yang tidak mempunyai permit di Tapak Penjaja Puncak Jalil 3/10.

EXCO Perdagangan Ng Sze Han memberitahu peniaga boleh memulakan operasi April ini dan tapak berkenaan turut dijadikan bazar sementara sepanjang Ramadan.

"Inisiatif ini bagi memberi peluang kepada penjaja untuk beroperasi secara sah dan pembeli juga lebih terjamin berbanding berniaga di kawasan sebelum ini yang kurang strategik. Saya yakin tapak ini dapat membantu memperkukuh ekonomi setempat."



KESELAMATAN... Petugas Skwad Pantas Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengalih pokok tumbang berikutan kejadian hujan lebat dan angin kencang sekitar SS14/1A, SS14/4B serta SS15/5 di Subang Jaya pada 9 Mac. Hubungi pusat kawalan MBSJ di talian 03-8024 7700 untuk aduan kecemasan. Foto Facebook Majlis Bandaraya Subang Jaya

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 14 MAC 2025

Rebut kupon digital RM15 di bazar

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperuntuk RM30,000 bagi agihan kupon digital Platform Selangor (PLATS) di enam bazar Ramadan.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata 2,000 kupon digital bernilai RM15 setiap satu diagih kepada pengunjung bagi menggalakkan amalan pembayaran tanpa tunai.

"Pengunjung boleh tebus kupon di gerai di bazar Ramadan dengan setiap kupon berjumlah RM15," katanya dalam program Santuni Bazar Ramadan 'Bahagia dan Lestari' anjuran MBPJ di sini pada 11 Mac.

Beliau berkata pemantauan di semua bazar setakat ini mendapati tiada peniaga menjual permit sementara kepada pihak ketiga bagi mengaut keuntungan mudah.

Nasi ambeng pilihan Tengku Permaisuri

PETALING JAYA - Apam kampung dan nasi ambeng antara juadah pilihan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor yang berkenan mengunjungi bazar Ramadan SS6/1 Kelana Jaya di sini pada 11 Mac.

Keberangkatan Tengku Permaisuri Hajah Norashikin ke program Santuni Bazar Ramadan 'Bahagia dan Lestari' anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) disambut Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon.

Pada majlis itu Baginda berkenan menyampaikan Bakul Bahagianya Ramadan@PJ 2025 kepada 30 penerima terdiri daripada golongan asnaf dan fakir miskin disamping beramah mesra bersama pengunjung serta peniaga.

Program yang turut disertai EXCO negeri Jamaliah Jamaluddin dan Dr Mohammad Fahmi Ngah serta Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) Datin Seri Masdiana Muhammad sebahagian inisiatif MBPJ dalam memastikan penganjuran bazar Ramadan yang lebih kondusif serta lestari.



Tengku Permaisuri Hajah Norashikin diiringi Masdiana (kanan) berkenan menyampaikan Bakul Bahagianya Ramadan@PJ 2025 dalam Program Santuni Bazar Ramadan SS 6/1, Petaling Jaya pada 11 Mac. Foto Facebook Selangor Royal Office

Salur barangan asas di Kongsi Rezeki

SHAH ALAM - Orang ramai menyumbang barangan asas menerusi program Kongsi Rezeki anjuran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk diserahkan kepada rumah kebajikan dan anak yatim.

Menurut pihak berkuasa tempatan itu, barangan keperluan yang boleh disumbangkan antaranya beras, minyak masak, gula, susu tin dan lampin pakai buang.

"Barangan tersebut boleh dihantar atau diletakkan di bakul Kongsi Rezeki di Lobi Aras 4, Menara MPAJ bermula 3 Mac," kata kenyataan.

MPAJ turut mengalu-alukan sumbangan kepada Endowmen MPAJ bagi menjayakan pelbagai inisiatif bermanfaat kepada warga Ampang Jaya menerusi serahan tunai, kad debit atau akaun Bank Islam (nombor akaun 1212-2010-0446-09).

Sementara itu, seramai 1,500 pengunjung menyertai Iftar Ala Madinah @ Karangkrak di Dataran Karangkrak, Seksyen 15 di sini pada 4 Mac.

Menurut Pengurus Besar Kanan KDEWB Waste Management Ahmad Rizal Mohd Daud, 14 komputer riba disumbang kepada kanak-kanak Pertubuhan Rahoma Darul Fakir Malaysia dalam majlis berkenaan.

Imarah Ramadan rumah kebajikan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menyerahkan sumbangan endowmen RM60,000 kepada masjid, surau Jumaat dan rumah anak yatim sempena Ramadan pada 7 Mac.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan sumbangan berkenaan membantu institusi agama mengimarahkan program Ramadan selain berkongsi kegembiraan dengan rumah-rumah kebajikan.

"Sumbangan disampaikan Yang Dipertua MPAJ Dr Ani Ahmad melibatkan 22 masjid, 25 surau solat Jumaat dan sembilan rumah anak yatim dalam satu majlis di Masjid Al-Azim, Pandan Indah.

"Setiap institusi menerima wang tunai RM1,000. Turut disampaikan sumbangan duit raya RM20 kepada 300 anak yatim," maklumnya menerusi kenyataan.

Perluas kupon digital bazar Ramadan

SHAH ALAM - Agihan kupon digital RM10 di 10 bazar Ramadan menerusi program Platform Selangor (PLATS) Masuk Bazar diperluas ke enam lagi bazar.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata penambahan itu membabitkan bazar di SS6 Kelana Jaya, Seksyen 4 dan Seksyen 7 Kota Damansara, Taman Medan, Taman Sri Manja dan Vista Damansara.

"Sebelum ini, 4,000 kupon digital

diagih di 10 bazar Ramadan tetapi ada penambahan berikutan tajaan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya berjumlah RM30,000.

"Pengunjung boleh mendapatkannya di bazar terbabit mengikut tarikh yang ditetapkan bermula di SS6 Kelana Jaya esok sebanyak 600 kupon digital," kata Ahmad Azri Zainal Nor pada 10 Mac.

Mula diperkenal pada Ramadan 2020, PLATS bertujuan melengkapkan ekosistem Agenda Digitalisasi Selangor dan setahun kemudian, PLATS

2.0 dilancar bagi membantu peniaga menjana pendapatan sepanjang masa.

Pada 2023, MBI turut memperkenalkan Kempen PLATS Masuk Pasar selama dua bulan di 12 lokasi terpilih seluruh negeri dengan mengedar 20,000 Kupon Digital Rahmah bernilai RM5.

Setakat Oktober tahun lalu, seramai 40,000 peniaga melibatkan semua produk niaga sudah menyertai platform berkenaan dan Kerajaan Negeri menasarkannya 50,000 peniaga menyertainya menjelang 2026.

Manfaat geran tingkat kemudahan

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menyambut baik kenaikan 25 peratus Kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang atau geran per kapita kepada semua negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif berkenaan sebahagian bukti reformasi kerajaan yang signifikan dari sudut pengagihan yang adil kepada negeri.

"Saya rasa ia memberikan tambahan nilai kepada semua negeri dan ini menunjukkan keadilan kerajaan Persekutuan dalam memastikan setiap rakyat dapat perhatian sebaiknya.

"Secara asasnya kita akan gunakan peningkatan itu untuk tambah baik perkhidmatan kepada rakyat terutamanya dalam infrastruktur, menangani isu banjir dan sebagainya," katanya pada 11 Mac.

OPR kekal tiga peratus kali ke-11

SHAH ALAM - Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) membuat keputusan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tiga peratus, selaras unjuran pasaran.

Ini kali ke-11 bank pusat mengekalkan OPR pada paras berkenaan sejak Mei 2023, lapor Bernama.

Keputusan mengekalkan kadar penanda aras bagi kadar pinjaman dan deposit di negara ini diputuskan dalam mesyuarat kedua MPC BNM bagi tahun ini yang diadakan pada 6 dan 7 Mac 2025.

Menurut BNM, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa tentang prospek inflasi dan pertumbuhan.

"MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil," kata kenyataan pada 6 Mac.

BULK WASTE COLLECTION

> Subang Jaya Municipal Council (MBSJ), in collaboration with KDEB Waste Management Sdn Bhd, will provide free bulk waste collection services for landed properties from March 20 to 30 in conjunction with Hari Raya Aidilfitri. Construction waste, electrical appliances and recyclable goods are not included in this service. For details, call 03-8081 4437 or WhatsApp 011-3538 4437 from March 13 to 21.

> Roll-on roll-off bins for bulk waste collection will be placed at 384 selected locations under Shah Alam City Council (MBSA) from now until March 30. For details, call the Public Cleaning and Waste Sustainability Department at 03-5510 5133 ext 1316 or 1644.

THE STAR

14 MAR 2025

Tarikh:.....

By MEGAT SYAHAR
megatsyahr@thestar.com.my

PETALING Jaya has once again been crowned the Happiest City in Malaysia, securing the coveted award for the second consecutive year.

Mayor Mohamad Zahri Samingon proudly announced the achievement, reflecting the city's ongoing dedication to enhancing quality of life for its residents.

He said Petaling Jaya City Council (MBPJ) received a letter from Housing and Local Government Ministry (KPKT) inviting him to receive the Happiest City Award for 2025.

The happiness index is based on a survey carried out across 144 local authorities across Malaysia.

The index is measured by the Malaysian Urban Rural National Indicators Network for Sustainable Development, known as Murninets, through PLANMalaysia.

Mohamad Zahri said that last year, they received 28 awards

PJ retains happiest city title

Mayor hopes award will motivate MBPJ staff to work harder

both locally and internationally, including being recognised as the Happiest City.

"This recognition covers 14 criteria, including the environment, local leadership, local authority services, infrastructure and residents' satisfaction with their neighbourhoods.

"It is hoped to serve as a driving force for all staff to work even harder and strive to deliver exceptional services to the residents," he said.

Mohamad Zahri said this during the city council's Ramadan food basket donation programme at Menara MBPJ in Petaling Jaya.

A total 2,000 MBPJ employees received daily necessities including 5kg of rice, canned



sardines, and 1kg of cooking oil, among others.

The local authority allocated RM105,000 for the Ramadan food basket programme.

Mohamad Zahri also announced that Petaling Jaya would host the state-level Hari Raya Aidilfitri celebration on April 6.

"There's a possibility that the celebration will be held in Taman Medan this year," he added.



Mohamad Zahri (right) and his deputy Aznan Hassan (left) handing out daily necessities to an MBPJ employee at the Ramadan food basket donation programme at Menara MBPJ.

THE STAR

14 MAR 2025

Tarikh:.....

ENTREPRENEUR COURSE

Petaling Jaya City Council's Entrepreneur Development Unit is organising free courses to help entrepreneurs in the city expand their businesses and move towards digitalisation. Upcoming courses are Food Menu Engineering on April 9, Retort Technology, for extended shelf-life food preservation on April 17, Create Video Using CapCut and TikTok Business Live on April 23 and 24 and Halalpreneur on April 30. For details visit MBPJ's website.

THE STAR

Tarikh: 14 MAR 2025

RAMADAN CONTRIBUTIONS

> Melaka Historic City Council (MBMB) is distributing free drinks every Friday, Saturday and Sunday until March 23, starting from 5pm at Dataran Bandaraya MBMB. Up to 350 packets of drinks will be distributed daily for buka puasa.

> Ampang Jaya Municipal Council is collecting contributions for daily necessities that will go to selected welfare organisations and orphanages throughout Ramadan. For details, WhatsApp 011-3950 3168 (Rahinan) or 013-324 7275 (Husni).

THE STAR

Tarikh: **14 MAR 2025**

DBKL conducting study on parking charges for mixed development areas

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

A STUDY is being carried out by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to find a more feasible method of implementing parking charges in mixed-development areas.

The study, which aims to upgrade the existing parking system, is expected to be completed in June, according to a media statement by DBKL.

"Nevertheless, implementation of a new method is subject to its feasibility and alignment to the existing legal provisions being enforced.

"The current parking charges in commercial, industrial and mixed-development areas

imposed by DBKL are in line with Road Transport (Provision of Parking Places) Federal Territory of Kuala Lumpur Order 2016," it said in response to a *StarMetro* report on residents from Kuchai Entrepreneurs Park complaining about expensive parking charges in the mixed-development area.

The March 4 report titled "Residents decry frequent summonses in Kuchai Entrepreneurs Park" also highlighted residents' frustrations over frequent parking summonses by DBKL.

City Hall urged residents to purchase the RM140 monthly parking passes that covered carparks in the suburbs.

"By purchasing the pass,

residents outside the city centre only need to pay RM4.70 for parking per day, which is 55% lower than the whole day rate of RM10.50, given that the hourly rate for those without a pass is RM1," it said.

DBKL charges for parking every day (7.30am to 6pm) except on Sundays and public holidays.

The fees are classified into three zones – city centre (RM1.50 for the first hour and RM2.50 for each subsequent hour), suburban areas with activities (RM1 per hour) and other suburban areas (80sen per hour).

The monthly parking pass can be purchased through the EZ KL Smart Park app.



In a previous article, *StarMetro* reported Kuchai Entrepreneur Park residents being unhappy about receiving multiple DBKL parking summonses per day. — Filepic

THE STAR

Tarikh: 14 MAR 2025

**YOUR
RIGHT
to know**

Elevated highway over Damansara a snarling mess

By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

FOR almost five years, residents of Medan Damansara, Bukit Damansara and Bangsar, as well as motorists commuting via Pusat Bandar Damansara, have endured congestion from relentless construction work.

A multimillion-ringgit elevated highway project along SPRINT Highway – which stretches from the Jalan Maarof interchange near Pavilion Damansara Heights to the Jalan Semantan interchange – has resulted in traffic congestion, road closures and safety hazards.

The prolonged construction has drawn public criticism, with concerns over poor planning and chaotic traffic management.

"This project was meant to improve traffic flow and provide direct connectivity to the area," Bangsar resident M. Viknendran said of the partly opened highway.

"Instead, we have faced endless road closures, including the inner lanes in our neighbourhood, which have only made things worse.

"I am tired of being stuck in traffic for long periods despite being just 10 minutes from home."

Equally frustrated is Jak Aw, another Bangsar resident whose daily commute has been plagued by bumper-to-bumper congestion.

"Jalan Damanlela has been blocked for nearly two years. "Jalan Maarof from Bangsar Shopping Centre is constantly choked due to the U-turn further up the road caused by Jalan Damanlela's continued closure.

"To get to Kuala Lumpur (city centre), we have to make a U-turn at Pavilion Damansara Heights, which has become a major bottleneck.

"Jalan Damanlela was meant to be operational alongside Pavilion Damansara's development, yet it has remained closed," said Aw.

Residents: No end in sight after years of congestion, hazards



Ali says road closures and ad-hoc diversions have created a constant traffic nightmare.

(Left) Motorists inching along a congested stretch due to unfinished work. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

Long-time Bukit Bandaraya resident and its residents association advisor Datuk M. Ali said he had repeatedly reached out to Kuala Lumpur City Hall (DBKL) on the issue.

"I was told by DBKL that the project was scheduled for completion and handover on Feb 29 last year.

"But that did not happen and the continued road closures and ad-hoc diversions have created a constant traffic nightmare," he said.

He added that motorists also often encountered large plastic barricades placed in the middle of roads, due to the moving diversions, worsening congestion.

Residents claim that pedestrian access has also been severely affected, with no proper walkways built for those walking to the Pusat Bandar Damansara MRT station or Bangsar.

Concerns have also been raised over a dangerous U-turn originally intended as a temporary measure but remains in use.

Ali said the area was in dire

Jln Maarof-Jln Semantan highway to open July 1

Third lane of KL's new elevated road will be ready in December



StarMetro report on June 13, 2023

need of landscaping and proper maintenance after years of neglect.

"The whole place is a mess. There are dried leaves, broken pavements and construction debris everywhere.

"It looks abandoned and there has been no effort to restore greenery or beautify the area," he said.

In a media statement, DBKL said construction of the elevated

road near Pavilion Damansara had been completed and opened to the public on Feb 29 last year to improve traffic flow.

"However, upgrading works on Jalan Johar and Jalan Beringin, which are being converted into two-way roads, are still ongoing.

"These works are being carried out by the developer.

"Some parts of Jalan Beringin, under the supervision of SPRINT

Highway, remain closed to the public," said DBKL.

It explained that based on discussions with consultants and the SPRINT Highway concessionaire, the continued closure of certain sections was due to the requirement for the road safety audit certificate from Malaysian Highway Authority (LLM).

"The Level 4 Road Safety Audit, a key component of the approval process, was completed at the end of last February.

"Following this, consultants submitted the application to LLM early this month for final approval.

"The affected roads will only be opened once all necessary approvals have been obtained," DBKL added.

StarMetro had previously reported that the three-lane, 1.34km-long elevated Jalan Damansara-Semantan Highway was designed to improve traffic flow and provide direct connectivity to the area.

The project is estimated to cost RM211mil.

THE STAR

Tarikh: 14 MAR 2025

'We risk becoming carbon waste dump'

Proposed law could backfire, say activists

By JUNAID IBRAHIM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysia's proposed new law on carbon capture and storage has got environmentalists worked up, with several of them cautioning that the legislation could backfire.

They pointed out that the country could end up becoming a "dumping ground" for carbon waste, adding to its struggles in managing e-waste and plastic waste from other countries.

The Carbon Capture, Utilisation, and Storage (CCUS) Bill passed by the Dewan Rakyat recently is intended to combat climate change and help achieve Malaysia's carbon net-zero target in 2050.

However, the proposed law will also pave the way for other countries to store their carbon waste in Malaysia.

Sahabat Alam Malaysia president Meenakshi Raman expressed concern that without proper management, Malaysia could indeed turn into a dumping ground for foreign carbon waste.

"The CCUS Bill is meant to regulate the sector, but once the country opens up to carbon storage, we risk becoming a dumping ground if abuses occur," she said in an interview.

Citing the challenges of ensuring environmental integrity and safety due to the long-term nature of carbon dioxide (CO₂) waste, Meenakshi felt Malaysia lacked capabilities for robust assessments, standards and enforcement.

"Relying on the industry to determine prudent practices offers little assurance that regulations will be strictly followed," she pointed out, adding that corporations might cut corners to maximise profit.

"Managing e-waste is already a nightmare. Dealing with CO₂, which is invisible and stored underwater or underground, presents even greater challenges.

"Without constant and independent monitoring, we won't know if problems exist until accidents happen," she said.

The Star reported previously that almost RM4bil worth of material and items were seized following raids on 90 illegal e-waste factories nationwide.

The police did not rule out the possibility that the e-waste factories were owned by locals but with financial backing from foreign entities.

Last year, Eurostat, the European Union's (EU) data office, reported a 35% annual increase in plastic waste sent here from the continent in 2023, making Malaysia the second largest-dumping ground for Europe's plastic waste.

Meenakshi highlighted potential overlaps between the CCUS Bill, managed by the Economy Ministry, and the forthcoming National Climate Change Bill (Ruupin) which comes under the Natural Resources and Environmental Sustainability Ministry.

"We expect the Ruupin to establish a proper governance system for climate change,

including CO₂ regulation.

"The CCUS Bill's governance structure seems redundant and calls for a more coordinated approach," she said.

Klima Action Malaysia (Kamy) communications director Aroe Ajoeni shared the concerns, saying the Bill permitted importing carbon dioxide for storage in Malaysia.

"This is already happening through agreements with countries like Japan and South Korea, effectively making Malaysia their carbon disposal site.

"This arrangement raises sovereignty concerns, as Malaysia bears long-term environmental risks while enabling these countries to continue carbon-intensive activities," she said in criticising the proposed law.

Ajoeni said under the proposed law, oversight agencies were selected by the minister rather than creating independent regulatory bodies, which she said could lead to conflicts of interest.

"To prevent potential pitfalls, we need stronger regulatory measures, including mandatory environmental impact assessments, independent third-party monitoring systems and comprehensive emergency response protocols for potential leakages," she added.


Ajoeni called for Ruupin to be expedited before the CCUS legislation, saying this would be "more logical" as the proposed law would also facilitate the national climate change agenda.

The Ruupin is expected to be tabled in Parliament in the mid-

Carbon capture, utilisation and storage (CCUS)

CCUS is a set of technologies aimed at reducing carbon dioxide (CO₂) emissions from major industrial sources and the atmosphere.

How does it work?



What will the CCUS Bill do?

It includes provisions aimed at covering the whole value chain of CCUS by:

- Forming a regulatory body
- Appointing a technical competent entity for offshore and onshore storage of CO₂
- Establishing a licensing and permitting regime
- Managing risk and liability

Countries with CCUS policies

- United States** – providing subsidies for CCUS and tax credits available to companies using the technology.
- Canada** – offering incentives to companies that invest in the technologies with over US\$3bil of allocation in 2022.
- Norway** – has existing experience in the field and since 1992 and in 2020, the European country invested in the Longship project, where CO₂ is intended to be captured, transported and permanently stored at a subsea storage site offshore Norway.
- Denmark** – in 2022 introduced a CCUS Fund that has awarded a type of contract for a full-chain carbon capture and storage project.
- Indonesia** – its government had issued regulations governing the technology last December.
- Singapore** – to launch a pilot by 2026 to test the viability of carbon capture technologies at its waste-to-energy plants.

Sources: PETRONAS, MyCCUS, news reports

TheStar graphics

de of the year to formalise Malaysia's climate commitments into law.

The CCUS Bill will be debated in the Dewan Negara, with Economy Minister Datuk Seri Rafizi Ramli aiming for enforcement by March 31.

The minister had told the

Dewan Rakyat that the government would not be funding CCUS facilities and that a carbon tax for heavy industries like steel was being considered.

He was quoted as saying that once a carbon tax was in place, companies or individuals will have to pay for carbon storage.

THE STAR

Tarikh: 14 MAR 2025

84
14/3

LZS sasar kutipan zakat RM208 juta Ramadan tahun ini

FOTO MOHD HALIM ABDUL WAHID

SHAH ALAM – Lembaga Zakat Selangor (LZS) menetapkan sasaran kutipan zakat sebanyak RM208 juta sepanjang Ramadan tahun ini, bagi memastikan kebajikan golongan asnaf terus terbela.

Ketua Divisyen Kutipan LZS, Muhd Fikri Naim Harun berkata, daripada jumlah itu, RM163 juta dijangka diperoleh menerusi zakat harta, manakala RM45 juta pula zakat fitrah.

"Sasaran ini sejajar dengan usaha LZS dalam memperluaskan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Kami berharap lebih ramai masyarakat dan syarikat korporat tampil menunaikan kewajipan zakat bagi membantu golongan asnaf," katanya.

Beliau ditemui pada Majlis Iftar Bersama Muzakki dan Penyerahan Zakat Ramadan (IMTIYAZ) 2025 melibatkan 40 syarikat termasuk dua individu menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM7,994,275.80 di sini pada Rabu.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi LZS, Tan Sri Ambrin Buang; Ketua Pegawai Korporat



Muhd Fikri Naim (tengah) bersama penerima bantuan zakat pada Majlis Iftar Muzakki dan Penyerahan Zakat (Imtiyaz) di Wisma PKPS pada Rabu.

dan Projek Khas LZS, Ariffa Ariffin dan Ketua Pegawai Kewangan dan Teknologi Maklumat, Rapizah Muhammad Sharif.

PHB Asset Management Berhad mencatat bayaran zakat tertinggi iaitu RM1,861,000, diikuti KPJ Healthcare Berhad (Wilayah Selangor) yang menyerahkan RM1,848,000, Alliance Islamic Bank Berhad

RM600,000 dan Solar Gas Sdn Bhd sebanyak RM483,000.

Syarikat lain yang terlibat ialah Aura One Resources (M) Sdn Bhd sebanyak RM311,328.65, Skyhill Clinic Sdn Bhd menyerahkan RM200,000, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd sebanyak RM150,000, ZAR Lynx Sdn Bhd sebanyak RM120,000 dan Aerosynergy Solutions Sdn

Bhd sebanyak RM100,000.

Selain itu, LZS turut menyerahkan bantuan zakat berjumlah RM258,330 kepada penerima yang layak, termasuk Syahrul Nizam Abu Nasir yang menerima bantuan perubatan sebanyak RM12,330 sementara Nor Eshah Basri dan Zunirah Abas masing-masing menerima bantuan baik pulih rumah sebanyak RM43,000,

dan Surau Darul Ehsan menerima sumbangan baik pulih institusi agama sebanyak RM80,000 serta Surau Al Insyirah menerima jumlah sama.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan menyantuni golongan memerlukan, LZS dengan kerjasama GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd (Giant) turut memperkenalkan inisiatif 'Indahnya Berkongsi Giant dan LZS'.

Menurut Muhd Fikri Naim, melalui program itu orang ramai boleh membeli pakej bakul makanan serendah RM30 di semua cawangan pasar raya Giant di Selangor.

"Setiap pembelian bukan sahaja menjadi sumbangan kepada asnaf, malah melambangkan kasih sayang dan keprihatinan terhadap golongan kurang berkemampuan," katanya.

Bakul makanan yang dikumpulkan akan disalurkan kepada golongan asnaf fakir, miskin dan muafaf di seluruh Selangor bagi memastikan mereka dapat menyambut Ramadan dan Syawal dengan lebih selesa.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.4.MAR.2025.....

Tangani isu perkhidmatan awam



MERENTAS
RUANG

SAIFUDDIN ABDULLAH

84
14/3

Pada 6 Mac lalu, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 yang dibentang Menteri di JPM Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa. Ia meliputi prinsip iltizam, pengurangan beban kawal selia, kaedah penarafan prestasi, kewajipan dan kuasa ketua-ketua dan laporan prestasi.

Semasa perbahasan saya merakamkan bagi pihak PN, ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh anggota entiti kerajaan atas rekod perkhidmatan yang cemerlang selama ini.

Pada satu masa dahulu, perkhidmatan awam kita adalah antara yang terbaik di rantau ini. Saya menganggap RUU ini sebagai antara langkah untuk mengembalikan kecemerlangan tersebut dan memfasilitasi peningkatannya.

Perkhidmatan awam kita telah melalui beberapa transformasi dan perkembangan. Kita belajar dan mengadaptasi idea-idea dan model-model

reformasi contohnya, Model Birokrasi, Pentadbiran Awam Baharu, *Governans, Joined-up Government*, Nilai Awam dan Pelan Transformasi Kerajaan.

Tetapi, isu-isu dan masalah-masalah tertentu masih juga wujud. Faktor utamanya ialah kerana sebanyak mana pun reformasi ingin dilaksanakan oleh anggota perkhidmatan awam, ia tetap berdepan dengan kekangan-kekangan besar, kecuali ia mendapat dukungan penuh daripada pihak-pihak lain, khususnya sektor politik.

Contohnya, masalah campur tangan politik dalam perkhidmatan awam. Kerana itu, semasa pentadbiran PM7 dan PM8, telah tercetus idea tentang perlunya diadakan kerangka baharu dasar dan perkhidmatan awam atau cara berkerajaan.

Hasratnya ialah penyediaan satu Kertas Putih tentang reformasi perkhidmatan awam yang dibentangkan di Parlimen. Seorang Menteri dilantik dan perbincangan awal telah diadakan dengan Ketua-ketua Setiausaha Negara

“

Tetapi malangnya, akibat tempoh masa kedua-dua pentadbiran yang pendek dan peralihan pimpinan-pimpinan utama perkhidmatan awam tersebut, maka tidak banyak sempat dilakukan.”

dan Ketua-ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada masa itu.

Tetapi malangnya, akibat tempoh masa kedua-dua pentadbiran yang pendek dan peralihan pimpinan-pimpinan utama perkhidmatan awam tersebut, maka tidak banyak sempat dilakukan.

Saya mengalu-alukan model *Government as a Platform* yang digunakan RUU ini, iaitu model yang telah digunakan contohnya di United Kingdom (UK) dan Estonia. Di samping

itu, saya berharap pelaksanaan RUU ini turut terkait dengan inisiatif lain contohnya, menegakkan integriti dan membasmi rasuah.

Khusus tentang kandungan RUU ini, dari segi prinsip iltizam, saya mencadangkan agar ia menggunakan pendekatan 'rakan-pembangunan' dan 'perundingan' antara ketiga-tiga sektor utama pembangunan iaitu kerajaan-politik, perniagaan atau swasta dan masyarakat sivil.

Manakala dari segi kaedah penarafan prestasi perkhidmatan, saya mencadangkan agar penarafan peringkat antarabangsa turut digunakan.

Contohnya, sejauh mana prestasi perkhidmatan awam kita berbanding Matlamat Pembangunan Lestari PBB (SDG), *Open Government for Stronger Democracy* (OECD) dan *Open Government Partnership*.

Juga membandingkannya dengan indeks-indeks berkaitan contohnya, daya saing, kebahagiaan, kemudahan menjalankan perniagaan dan rasuah.

Bagaimanapun, saya mengingatkan kerajaan bahawa, dengan mengambil model ini kita melakukan satu lompatan saujana. Berbanding UK dan Estonia, kita harus memastikan yang kita melakukan tinggal landas dari asas yang kukuh seperti pengalaman mereka.

Justeru, penekanan secukupnya mestilah dilakukan ke atas aspek latihan, iaitu dari segi pemikiran dan dasar serta proses dan pelaksanaan.

Akhirnya, oleh kerana RUU ini hanya menyentuh beberapa aspek sahaja maka, saya mencadangkan agar menteri berkaitan membentangkan di Parlimen, walaupun bukan Kertas Putih, tetapi sekurang-kurangnya kenyataan menteri tentang keseluruhan keadaan dan perkembangan perkhidmatan awam kita.

* Datuk Seri Saifuddin Abdullah ialah Ahli Parlimen Indera Mahkota dan Menteri mewakili Kabinet PM7 dan PM8 berkaitan reformasi perkhidmatan awam.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.4. MAR 2025.....

5,272 belia bankrap sejak 2020 – Hannah

84 14/3

KUALA LUMPUR -

Sebanyak 5,272 belia berusia 34 tahun ke bawah telah diisytiharkan mufis sejak 2020 hingga tahun ini, kata Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, 5,189 orang merupakan belia berumur 25 hingga 34 tahun dan 83 belia berumur di bawah 25 tahun.

"Trend kebangkrutan dalam kalangan belia menunjukkan peningkatan, pada 2024 terdapat 877 kes meningkat sebanyak 150 kes berbanding 727 pada tahun sebelumnya.

"Berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia, punca utama kes kebangkrutan pada 2024 melibatkan pinjaman peribadi



HANNAH

yang menyumbang sebanyak 2,776 kes atau 46.4 peratus daripada keseluruhan 5,977 kes kebangkrutan iaitu hampir 50 peratus," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara pada Khamis.

Beliau berkata demikian bagi men-

jawab soalan Senator Roderick Wong Siew yang ingin tahu jumlah belia berusia 35 tahun ke bawah yang telah diisytiharkan bankrap setakat 2025 dan apakah punca utama yang menyebabkan berlakunya masalah berkenaan.

Menurut Hannah, faktor lain yang menyumbang kepada kebangkrutan termasuk pinjaman perniagaan iaitu sebanyak 1,148

kes, pinjaman perumahan sebanyak 474 kes dan ke-berhutangan yang lain melibatkan 463 kes.

Selain itu, antara faktor lain ialah sewa beli kenderaan melibatkan 444 kes, penjamin korporat 383 kes, hutang cukai pendapatan 110 kes, hutang kad kredit membabitkan 89 kes, kegagalan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 77 kes, serta biasiswa, pinjaman pelajaran sebanyak sembilan kes dan empat kes disebabkan oleh menjadi penjamin sosial.

Beliau berkata, kementerian melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara mengambil inisiatif dengan melaksanakan program khusus Literasi Kewangan Belia yang akan mula dilaksanakan pada April hingga Oktober tahun ini di seluruh negara.

SINAR HARIAN

Tarikh:14 MAR.2025..

84
14/3

'Kerajaan dahulu mahu berikan dana secara percuma'

SHAH ALAM - Keputusan kerajaan menyuntik pelaburan, sebanyak RM1.1 bilion kepada Sapura Energy Berhad (SEB) tidak beranggah sepertimana didakwa sesetengah pihak, kata Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Jelas Azman, SEB tetap perlu membayar semula amaun berkenaan sama ada dalam bentuk pinjaman ber-syarat atau lain-lain.

"Kerajaan dahulu nak *bailout*, maksudnya Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyuntik dana kepada SEB. Keadaan ketika itu berbeza dengan sekarang kerana mereka nak beri percuma, tetapi kami beri pinjaman.

"Pelaburan ini sebagai usaha penstrukturan semula

kewangan dan teruskan komitmen dalam perniagaan minyak dan gas (O&G) kerana kita semua tahu SEB bukan sahaja mempunyai ribuan pekerja bumiputera, malah vendor-vendor yang menjalankan perniagaan bersama.

"Kalau Kerajaan Madani tidak bantu, SEB akan berdepan masalah dan bentuk pertolongan yang kita beri hanya pinjaman, syarikat tersebut kena bayar balik," katanya ketika ditemui pemberita selepas program Interview bertajuk 'Kerajaan Perlu Buktikan RUU PSB Tidak Jejaskan Rakyat' yang bersiaran secara langsung dari Studio F Kompleks Kumpulan Karangkrak di sini di semua platform digital *Sinar Harian* pada Khamis.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.4..MAR.2025....

Pastikan tiada anak muda di Ketengah tercicir peluang disedia kerajaan - PM

84 143
KUALA LUMPUR - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) diharapkan dapat memastikan tiada anak-anak muda di wilayah itu yang tercicir dalam semua peluang disediakan kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara tersebut, antara yang beliau tekankan semasa menerima kunjungan hormat Pengerusi Ketengah, Datuk Seri Dr Ahmad Said di pejabatnya di Putrajaya, pada Khamis.

Menerusi catatan di Facebook, Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu beliau dan Ahmad Said membincangkan mengenai hala

tuju lembaga tersebut dalam memastikan pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan Ketengah.

"Saya memberi penekanan kepada akses perkhidmatan, kemudahan, inisiatif dan peluang pekerjaan terutamanya di luar bandar, pada zaman pendigitalan ini di mana arus perubahan ekonomi dan sosial amat pantas dan drastik selari dengan kepesatan di peringkat antarabangsa," katanya.

Ketengah adalah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang bertanggungjawab menjalankan pembangunan ekonomi dan sosial di Daerah Dungun, Kemaman, dan Hulu Terengganu. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 14 MAR 2025

Anwar berbincang dengan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan pada Khamis.



Pinjaman RM1.1 bilion perlu dibayar balik

Dana pastikan 2,000 vendor terima bayaran, bukan selamatkan pengurusan SEB

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui tidak senang dengan keputusan untuk menyelamatkan syarikat besar tatkala puluhan ribu syarikat kecil sedang 'terlantar'.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, suntikan dana RM1.1 bilion kepada Sapura Energy Berhad (SEB) merupakan suatu pinjaman yang perlu dibayar balik.

"Apakah dana ini hangus? Tidak. Ia dijadikan modal supaya pengurusan baharu dapat meng-

urus dengan baik dan membayar semula RM1.1 bilion," katanya.

Ujar beliau, dana yang disalurkan bertujuan untuk memastikan pembayaran dapat dilakukan kepada 2,000 vendor yang telah menjalankan kerja bagi syarikat minyak dan gas tersebut, bukan untuk menyelamatkan individu atau pihak pengurusan SEB.

"Saya tidak bantu menyelamatkan tauke kaya (kerana) setiap sen wang itu terus kepada vendor yang telah bekerja tetapi tiada bayaran," katanya ketika berucap semasa Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan (MoF) di sini pada Khamis.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, SEB tidak boleh dibiarkan bankrap kerana ia merupakan satu-satunya syarikat minyak dan gas yang mempunyai vendor bumiputera.

"Jika ia ditutup, maknanya tiada lagi syarikat tempatan yang mampu mengendalikan kerja-kerja peringkat hiliran berkaitan minyak dan gas di Malaysia dan akhirnya semua kontrak akan jatuh ke

tangan syarikat asing," katanya.

Tambah Anwar, langkah kerajaan membantu syarikat tersebut dibuat secara telus dan mengikut peraturan selepas audit forensik dilaksanakan.

"Saya antara yang paling keras menentang bailout. Pengalaman saya sekitar tahun 1997 dan 1998 mengajar bahawa kita tidak boleh menyelamatkan syarikat yang gagal tanpa syarat ketat.

"Sebab itu kita melantik Ernst & Young untuk menjalankan audit forensik bagi memastikan ketelusan sebelum membuat keputusan ini," katanya.

Isu SEB hangat diperkatakan ketika ini apabila syarikat itu menerusi pemfailan Bursa Malaysia pada Selasa mengumumkan sudah menerima RM1.1 bilion sebagai pelaburan daripada syarikat tujuan khas di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan, Malaysia Development Holding Sdn Bhd (MDH).

Pelaburan itu akan digunakan secara eksklusif untuk membayar hutang syarikat minyak dan gas itu kepada 2,000 vendornya.



24 1413

Perbuatan berpura-pura tonjol sisi baik hanya jerat diri sendiri

SHAH ALAM - Perbuatan berpura-pura menunjukkan sisi baik supaya dipandang sebagai seorang yang penting hanya akan menjerat diri sendiri.

Pensyarah Kanan Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Nurhafizah Mohd Sukor berkata, ia kerana orang sekeliling lama-kelamaan akan mengetahui bagaimana perbuatan seseorang tidak sama dengan nilai dan sikap yang ditunjukkan di khalayak ramai.

Katanya, semua individu mempunyai kecenderungan untuk menampakkan sisi yang baik dan sempurna pada diri masing-masing.

"Berdasarkan aspek psikologi sosial,



umumnya seseorang individu akan mempamerkan tanggapan yang positif semasa berinteraksi dengan orang lain. Dalam hal ini, seseorang itu sebolehnya akan menyembunyikan aspek kekurangan dan ketidakupayaan diri.

"Maka kemungkinan dia akan menyatakan sesuatu perkara atau berjanji untuk melakukan sesuatu supaya dipandang sebagai seorang yang penting,



NURHAFIZAH

mempunyai kelebihan dan harga diri," katanya kepada *Sinar Harian*.
Menurutnya, perbuatan tersebut dilihat menjadi satu kebiasaan termasuk kepada diri sendiri, pekerjaan, keluarga dan rakan.
"Tidak perlu menjadi hipokrit sebaliknya menerima kelebihan dan kekurangan diri masing-masing.
"Pakar dalam bidang psikologi menetapkan bahawa perbuatan sayangi diri bukan hanya memperlihatkan segala yang positif dalam diri tetapi mengakui kelemahan diri dan cuba memperbaikinya untuk menjadi yang terbaik.

"Justeru, seseorang itu bertanggungjawab untuk menunaikan janji masing-masing kerana ia menunjukkan komitmen individu tersebut," katanya.

Tambahnya, jika tidak dapat tunaikan janji, seseorang sepatutnya memohon maaf dengan bersungguh-sungguh dan tidak meletakkan harapan yang tinggi kepada orang lain dengan janji bagi mengelakkan suasana tegang.


"Perbuatan kerap berjanji tanpa melunaskannya membuatkan orang lain mula tidak percaya dan hilang rasa hormat selain mengeruhkan hubungan," katanya.

Katanya, dalam Islam turut menekankan nilai menunaikan janji dan jauhi sikap hipokrit.

SINAR HARIAN

14 MAR 2025

Tarikh:



SEBANYAK RM114.8 juta diperuntukkan kerajaan untuk insentif i-Saraan KWSP tahun lalu. — GAMBAR HIASAN

Jumlah caruman i-Saraan RM2.6b

KUALA LUMPUR — Jumlah keseluruhan caruman untuk program i-Saraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tahun lalu adalah sebanyak RM2.6 bilion.

Menteri Kewangan II, Datuk Amir Hamzah Azizan berkata, peruntukan insentif kerajaan pada tahun tersebut sebanyak RM114.8 juta melibatkan 529,667 ahli.

Menurutnya, ini adalah peningkatan ketara berbanding jumlah insentif kerajaan RM54.7 juta kepada 383,082 ahli pada 2023 dan RM33.2 juta insentif kerajaan kepada 291,743 ahli pada 2022.

"Dengan itu, jumlah caru-

man yang telah diterima untuk i-Saraan bagi 2023 adalah sebanyak RM1.44 bilion berbanding RM888 juta pada 2022," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan **Senator Mohd. Hasbie Muda** yang ingin mengetahui berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk program i-Saraan dan i-Suri KWSP pada tahun 2023 dan 2024.

Dalam pada itu, Amir Hamzah berkata, seramai 75,196 ahli telah menerima insentif kerajaan berjumlah RM11.4 juta di bawah skim program i-Suri dan bilangan penerima meningkat sebanyak 77

peratus berbanding 42,759 ahli pada 2023.

"Kumpulan fokus bagi i-Suri adalah golongan miskin tegar dalam rekod e-Kasih. Sebagai bantuan subsidi bersasar kepada rakyat, kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan ke tahap tertinggi bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) tahun ini kepada RM13 bilion berbanding RM10 bilion tahun lepas.

"Sementara program i-Saraan berfokuskan kepada mereka yang telah mempunyai kemampuan tambahan bagi membina simpanan untuk persaraan," jelasnya.

KOSMO

14 MAR 2025

Tarikh:

Peniaga bazar Jalan TAR tak puas hati khemah tak berkualiti

HM 14/3

Kuala Lumpur: Peniaga di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) tidak berpuas hati apabila dibekalkan khemah yang didakwa tidak berkualiti oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Isa susulan puluhan khemah musnah selepas hujan lebat dan angin kuat kira-kira jam 4 petang kelmarin.

Peniaga, Nora Dollah berkata, dia menanggung kerugian selepas barang jualan rosak teruk akibat khemah yang disediakan musnah.

"Keadaan khemah perniagaan yang tidak bertali dan dipasang tanpa langkah keselamatan yang



SEBAHAGIAN daripada peniaga memasang semula khemah yang rosak akibat ribut di Jalan TAR. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

mencukupi. Keadaan ini menyebabkan khemah mudah diterbangkan angin dan rosak.

"Kejadian ini bukan saja menjejaskan perniagaan kami, malah membahayakan keselamatan peniaga dan pengunjung," katanya.

Menurutnya, peniaga berharap DBKL mengambil tindakan segera bagi memastikan peniaga di Jalan TAR dapat menjalankan perniagaan dalam keadaan lebih selamat dan terjamin.

"DBKL juga perlu menyediakan khemah lebih kukuh serta pemasangan selamat untuk mengelakkan kejadian sama berulang," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: 14 MAR 2025.



PENGUAT kuasa KPDN memeriksa premis pemprosesan ayam di Cheras ketika Ops Pantau bersama Jakim, JIM. - Gambar NSTP/AHMAD UKASYAH

SERBU PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM HARAM

Kotor dan busuk!

HM
14/3

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Letak ayam di lantai selain keadaan premis kotor dan busuk. Itu keadaan dua pusat penyembelihan haram yang diserbu pihak berkuasa di Kampung Cheras Baru, dekat sini, awal pagi semalam.

Dalam serbuan Ops Pantau jam 1 pagi dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Cawangan Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) itu, sebanyak 3,200 kilogram (kg) ayam disita membatikan nilai rampasan RM27,938.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman berkata, serbuan dilakukan hasil risikan selama dua minggu susulan maklumat berkaitan penjualan ayam standard yang meragukan di beberapa



medan selera di sekitar Kuala Lumpur.

"Serbuan dijalankan ke atas empat premis yang mana dua daripadanya berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) manakala dua lagi beroperasi secara haram.

"Ketika serbuan dilakukan, mereka menggunakan khidmat warga asing bagi tujuan menyembelih ayam berkenaan," katanya kepada media selepas ditemui selepas tamat operasi berkenaan.

Mohd Sabri berkata, hasil pemeriksaan mendapa-

ti berlaku aktiviti penyembelihan ayam oleh warga asing dan bekalan ayam turut dihantar kepada peniaga Muslim.

"Sehubungan itu, premis berkenaan melakukan kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) selain disyaki melakukan kesalahan di bawah Perintah 8, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, iaitu Perintah 4(1) yang memperuntukkan bahawa sebarang makanan atau barang tidak boleh di-label sebagai halal atau di-

tandakan seolah-olah halal, kecuali diperakukan pihak berkuasa yang berwibawa dan memaparkan logo halal yang sah," katanya.

Menurutnya, dalam operasi sama, seramai 26 warga asing dari India dan Bangladesh yang disyaki melakukan pelbagai kesalahan mengikut Akta Imigresen ditahan dan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.

"Operasi ini penting bagi memastikan tahap keyakinan rakyat terutama pengguna Muslim terhadap produk ayam yang dijual sentiasa terjamin dan patuh syariah," katanya.

Sementara itu, Mohd Sabri berkata, KPDN dengan kerjasama Jakim melaksanakan pemeriksaan di 11 premis hotel bermula 2 Mac hingga Selasa lalu bagi memastikan pematuan terhadap penyediaan makanan halal.

Beliau menegaskan pihaknya tidak akan berkompromi dengan pengusaha, pengilang atau pemborong yang melanggar peraturan.

SPRM kesan 8 sijil terpalit penipuan

HM 14/2

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan sekurang-kurangnya lapan sijil kelahiran sudah dikeluarkan sindiket pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Kegiatan itu terbongkar selepas SPRM melancarkan Op Outlander dan Op Birth, Selasa lalu, membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.

Menurut sumber, susulan serbuan itu, 16 individu ditahan membabitkan pengamal perubatan bergelar Datuk Seri, pengamal undang-undang, penjawat awam dan orang awam.

"Siasatan mendapati penipuan yang dilakukan ini membabitkan permin-

taan daripada warga asing. Sindiket akan memproses dokumen bagi membolehkan bayi yang dilahirkan menerima sijil kelahiran warganegara.

"Sindiket ini beroperasi sejak 2013 dan disyaki didalangi warga asing, klinik swasta dan pegawai sebuah agensi kerajaan," katanya.

Sumber berkata, setakat ini lapan sijil kelahiran sudah dikeluarkan dan disyaki dilakukan pegawai agensi kerajaan yang menerima rasuah daripada sindiket.

Muka depan Harian Metro semalam melaporkan pengamal perubatan bergelar Datuk Seri antara 16 individu ditahan SPRM kerana disyaki terbabit rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

HARIAN METRO
Tarikh: 14 MAR 2025

Dua pusat penyembelihan ayam kotor, busuk disita

Op Pantau dilaksanakan secara bersepadu penguat kuasa KPDN, JAKIM dan Imigresen

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua pusat penyembelihan ayam dikesan beroperasi dalam keadaan 'cincai' dengan meletakkan ayam di lantai, selain keadaan premis yang kotor dan busuk.

Kegiatan itu dibongkar menerusi Op Pantau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Cawangan Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Imigresen Malaysia di Kampung Cheras Baru, awal pagi semalam.

Operasi pada jam 1 pagi itu menyita 3,200 kilogram (kg) ayam dengan nilai rampasan RM27,938.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman, berkata serbuan dilakukan hasil risikan selama dua minggu susulan maklumat berkaitan penjualan ayam standard yang meragukan di beberapa medan selera, dekat sini.

"Serbuan dijalankan terhadap empat premis, yang mana dua daripadanya berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) mana-



Pegawai dan penguat kuasa KPDN memeriksa premis ketika Op Pantau bersama Cawangan Pengurusan Halal JAKIM dan Jabatan Imigresen di Kampung Cheras Baru, awal pagi semalam.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

kali dua lagi beroperasi secara haram.

"Ketika serbuan dilakukan mereka didapati menggunakan khidmat warga asing untuk menyembelih ayam-ayam berkenaan," katanya kepada media selepas ditemui selepas tamat operasi berke-naan.

Mohd Sabri berkata, pemeriksaan terhadap semua pusat penyembelihan juga mendapati penyembelihan ayam oleh warga asing dan bekalan ayam turut dihantar kepada pniaga Muslim.

Beliau berkata, premis itu diasiasat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730), selain disyaki melakukan kesalahan di bawah Perintah 8, Perintah Pe-



Mohd Sabri Seman

rihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, iaitu Perintah 4(1) yang memperuntukkan makanan atau barangan tidak boleh dilabel halal atau ditandakan seolah-olah halal kecuali diperakukan pihak berkuasa berwajib dan memaparkan logo halal sah seperti ditetapkan.

Taban 26 warga asing

Katanya, dalam operasi sama, seramai 26 warga asing dari India dan Bangladesh yang disyaki melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen ditahan dan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.

"Operasi ini penting bagi memastikan tahap keyakinan rakyat terutama pengguna Muslim terhadap produk ayam yang dijual sentiasa terjamin dan patuh syariah," katanya.

Selain itu, Mohd Sabri berkata, KPDN dengan kerjasama JAKIM melaksanakan pemeriksaan di 11 premis hotel bermula 2 Mac hingga Selasa lalu bagi memastikan pematuhan terhadap penyediaan makanan halal.

Beliau turut menegaskan pihaknya tidak akan berkompromi dengan pengusaha, pengilang atau pemborong yang melanggar peraturan yang ditetapkan.

"Orang ramai juga dinasihatkan untuk membuat aduan kerana isu ini (penyembelihan ayam) sangat sensitif kepada pengguna umat Islam," katanya.

Rai kepelbagaian semai keharmonian 'rumah Malaysia'



Oleh Prof Madya Dr Mohamed Ali Haniffa
bhrencana@bh.com.my 84 14/3

Malaysia sebuah negara amat unik dan rencam sifatnya kerana dihuni penduduk terdiri daripada pelbagai agama, etnik, kepercayaan dan fahaman politik.

Sepanjang 68 tahun merdeka, negara ini mengalami 'pasang surut' dalam aspek pentadbiran, keamanan, keharmonian dan perpaduan. Namun demikian, rakyat kekal bersatu kerana memahami erti perjuangan generasi terdahulu.

Identiti nasional Malaysia adalah berteraskan kepada ciri dipersetujui bersama pemimpin pengasas kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Semua perkara meliputi agama, bahasa, etnik, kedudukan Raja dan hak kewarganegaraan menjadi identiti nasional warga Malaysia.

Kata orang, 'langit tidak selalu cerah'. Pemerintahan Demokrasi Berparlimen negara pernah tercalar selepas Pilihan raya Umum (PRU) pada 10 Mei 1969. Keamanan dan kestabilan dinikmati sejak merdeka terganggu berikutan peristiwa rusuhan antara kaum pada 13 Mei 1969.

Namun, insiden itu memiliki rahmat dan pengajaran apabila semua pihak segera berpegang

teguh dengan kebijaksanaan serta kewarasan. Rukun Negara diperkenalkan pada 31 Ogos 1970 bermatlamat memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia dilancarkan. Cita-cita terhadap perpaduan nasional terkandung dalam lima prinsip berkenaan.

Urus diri tanpa langgar tatasusila

Lima teras Rukun Negara dihadap rakyat dan warganegara yang peka. Prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan bermaksud, setiap individu perlu menguruskan diri masing-masing tanpa melanggar tatasusila.

Tatasusila ini membenci dan mengutuk perbuatan atau tingkah laku menyinggung perasaan golongan lain. Tingkah laku sopan juga mengandungi darjah kesusilaan tinggi dalam kehidupan individu dan bersama.

Tiang seri tersebut perlu dibangunkan dengan teguh dan dipertahankan. Konsep penyayang turut menjadi agenda negara dan tolak ansur adalah unsur penting bagi memayungi masyarakat penyayang yang dihasratkan.

Dalam usaha membina permuafakatan, kerajaan berkempen menyeru rakyat mengelak daripada mencetuskan isu dan provokasi, terutama agama, kaum dan raja (3R).

Hari ini, gelombang menghentam perpaduan tetap berterusan, menuntut kerajaan membina benteng yang dapat mengelak keharmonian

kaum pecah.

Malangnya, deruan ombak media sosial munculkan sehingga menjadi cabaran baharu kerajaan untuk mengekalkan perpaduan rakyat dan kestabilan.

Justeru, rakyat seharusnya menggunakan media sosial sebagai medium menyebar dan menyatukan rakyat. Berlapang dada dan memohon maaf jika wujud kontroversi dan provokasi.

Negara kita mempunyai undang-undang yang berupaya mempertahankan hak setiap warga negara. Biarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) melaksanakan bidang kuasa mereka. Kita sebagai netizen tidak perlu menjatuhkan hukuman berdasarkan emosi.

Keteguhan rumah Malaysia terletak pada penghuninya yang mengelak daripada pertembungan dalaman sesama sendiri dan peka pada tanggungjawab sebagai rakyat.

Masyarakat penyayang kaya dengan kasih sayang dalam membina nilai kemanusiaan dan insan, kebahagiaan diri serta keluarga. Kita harus terapkan rasa hormat dan ikhlas ke atas apa yang dilakukan serta menghargai usaha orang lain.

Jadikan krisis, kontroversi dan provokasi yang berlaku sebagai pengajaran serta berusaha mencari ruang untuk bermaaf-maafan. Pugar usaha membina masyarakat bersatu padu dan bertatasusila.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 14 MAR 2025.....

Proses tuntutan wang tidak dituntut perlu mudah, lebih fleksibel

Oleh FITRI NIZAM dan MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan digesa mempermudah proses tuntutan Wang Tidak Dituntut (WTD) yang kini jumlah terkumpulnya sudah mencecah RM12.7 bilion.

Kerenah birokrasi yang disifatkan sebagai melecehkan itu menjadi punca ramai penuntut khususnya golongan berusia tidak meneruskan hasrat mereka untuk menuntut WTD sehinggalah jumlahnya terus meningkat saban tahun.

Berkongsi pengalaman sendiri menuntut WTD di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), pakar ekonomi, Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, permohonan ahli keluarganya untuk mendapatkan semula wang tersebut ditolak walaupun semua dokumen diperlukan sudah pun dihantar.

"Ini antara punca kenapa ramai orang tidak meneruskan tuntutan, sudahlah prosesnya rumit kerana memerlukan dokumen sokongan daripada pihak pemberi wang namun apabila surat pengesahan diberikan, permohonan ditolak.

"Sepatutnya, proses tuntutan wang khususnya daripada institusi kewangan seharusnya lebih mudah kerana mereka merupakan organisasi profesional dan apabila nama penuntut sendiri sudah ada di dalam sistem JANM kenapa perlu lagi dokumen," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, jumlah wang yang tidak dituntut berjumlah RM12.7 bilion direkodkan sehingga 31 Januari lalu oleh Kementerian Kewangan.

PROSES MENUNTUT WANG TIDAK DITUNTUT

1. DALAM TALIAN

- » Buat pendaftaran di laman sesawang <https://egumis.anm.gov.my/>
- » Borang Permohonan Tuntutan dalam talian boleh dilengkapkan setelah proses semakan WTD dan pengguna eGUMIS boleh membuat pilihan rekod WTD yang ingin dituntut.
- » Pemohon dikehendaki memuat naik dokumen sokongan berkaitan bagi tujuan mengemukakan Borang Permohonan Tuntutan Bayaran Balik WTD.

2. SECARA FIZIKAL DI PEJABAT JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

- a. Kad pengenalan (hadapan dan belakang) bagi warganegara Malaysia;
- b. Dokumen pertukaran nama daripada agensi berkaitan (sekiranya ada);
- c. Akaun Pelepashakan Kewarganegaraan Malaysia daripada Jabatan Pendaftaran Negara sekiranya telah bertukar kerakyatan;
- d. Pasport terkini dan pasport semasa transaksi dilakukan di Malaysia yang disahkan oleh Notari Awam/Pegawai Konsulat Negara berkenaan bagi bukan warganegara Malaysia;

- e. Dokumen pengenalan diri Negara berkenaan bagi bukan warganegara Malaysia yang disahkan oleh Notari Awam/Pegawai Konsulat Negara berkenaan
- f. Sijil Pendaftaran dan Sijil Pertukaran Nama (sekiranya berkaitan) bagi syarikat/firma.

PERMOHONAN TUNTUTAN WTD BAGI JENIS INSURANS, GAJI, DIVIDEN, DEPOSIT, CAGARAN, AKAUN DAGANGAN, LEGASI, DAN LAIN-LAIN WANG YANG DIBAYAR

- 1. Borang Permohonan Tuntutan Wang Tak Dituntut UMA-7 eGUMIS
- 2. Salinan dokumen pengenalan diri (hadapan dan belakang)
- 3. Salinan muka hadapan buku akaun/penyata bank (simpanan/semasa) aktif yang jelas dan lengkap dengan nama penuh pemohon, nombor akaun bank dan nama bank (bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun)
- 4. Surat Pengesahan asal daripada syarikat/firma yang menyerahkan WTD kepada Pendaftar (sekiranya maklumat eGUMIS tidak sama dengan maklumat pemohon/ pengenalan diri empunya) lengkap mengikut format yang ditetapkan.

Proses menuntut wang tidak dituntut rumit, ambil masa, laman web kerap tergendala

'Susahnya hendak tuntutan wang sendiri'

DR. ABU SOFIAN YAACOB
Pakar ekonomi, bekas
menteri Kewangan dan
Kerajaan

Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, proses tuntutan wang tidak dituntut itu sepatutnya lebih mudah kerana kerajaan mempunyai maklumat yang diperlukan untuk membuat tuntutan.

Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, proses tuntutan wang tidak dituntut itu sepatutnya lebih mudah kerana kerajaan mempunyai maklumat yang diperlukan untuk membuat tuntutan.

Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, proses tuntutan wang tidak dituntut itu sepatutnya lebih mudah kerana kerajaan mempunyai maklumat yang diperlukan untuk membuat tuntutan.

Menurut Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, pelbagai inisiatif dilakukan

oleh pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi menggalakkan rakyat Malaysia

menuntut wang tersebut.

Tinjauan *utusan Malaysia* mendapati isu sebenar dihadapi penuntut adalah kerenah birokrasi yang melampau untuk membuat tuntutan antaranya banyak dokumen dan masa panjang diambil untuk proses itu serta laman web permohonan yang kerap tergendala dan di bawah penyelenggaraan.

Abu Sofian berkata, sekiranya sumber wang tersebut adalah daripada institusi kewangan dan jika jumlahnya kurang daripada RM500 maka permudahkanlah tuntutan itu kerana tidak beraloi untuk penuntut bersusah payah menyediakan dokumen-

tasi dan lain-lain hanya untuk mendapatkan jumlah begitu.

Sementara itu, pensyarah kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis, Dr. Shamshul Anaz Kassim berkata, masih ramai sebenarnya tidak mengetahui proses tuntutan meskipun kerajaan menyediakan platform seperti eGUMIS.

Katanya, penuntut juga berhadapan masalah kesukaran mendapatkan dokumen sokongan seperti sijil kematian, pewarisan atau surat kuasa.

Beliau mencadangkan kerajaan memudahkan proses tuntutan seperti memperkenalkan notifikasi automatik seperti sistem pesanan ringkas (SMS) dan di media sosial seperti *WhatsApp*. Anaz berkata, akses kepada perkhidmatan tuntutan juga boleh diperluaskan melalui pejabat pos, pusat sehati dan pusat khidmat rakyat.

Katanya, selain itu, kempen kesedaran juga perlu lebih komprehensif dan berterusan seperti infografik dan diletak di lokasi-lokasi strategik seperti pasar raya, stesen bas, kereta api dan lapangan terbang.

"Langkah-langkah ini dapat memastikan dana dikembalikan kepada pemilik yang berhak dan mengurangkan jumlah wang tidak dituntut ini.

"Selain itu, antara faktor tidak dituntut baki wang ini mungkin kerana pemilik beranggapan jumlah wang yang kecil selain masih kurang kepada akses teknologi dan kurang celik digital.

"Makluman berkaitan perkara itu juga masih kurang khususnya di media sosial dan media arus perdana dan elektronik seperti di televisyen dan radio," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 14 MAR 2025

Hadkan guna BNPL untuk barang tertentu sahaja

PETALING JAYA: Perkhidmatan berkonsepkan 'beli sekarang bayar kemudian' atau BNPL perlu dikawal selia dengan hanya terhad kepada barangan atau produk tertentu sahaja.

Penganalisis Ekonomi Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Prof. Dr. Baharom Abdul Hamid berkata, kawal selia menerusi satu akta khusus itu juga penting bagi mengelakkan pengguna dieksploitasi.

Katanya, kawal selia tersebut

yang boleh dilaksanakan kerajaan itu perlu berlandaskan konsep syariah dan tidak memudaratkan pengguna serta tidak menjejaskan pasaran e-dagang.

"Kerajaan perlu mengetatkan perkhidmatan BNPL ini dengan hanya terhad kepada barangan tertentu seperti berkaitan pendidikan, perubatan atau sebagainya dan bukan barangan seperti telefon bimbit.

"Pengguna berdepan hutang yang banyak jika terlampau taksub membeli," katanya kepada

Utusan Malaysia semalam.

Sebelum ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, rakyat Malaysia berbelanja sebanyak RM12 bilion menggunakan kemudahan BNPL tahun lalu.

Daripada jumlah itu sebanyak RM4.9 bilion dibelanjakan pada enam bulan pertama tahun lalu dan meningkat dengan ketara kepada RM7.1 bilion pada enam bulan kedua.

Jumlah itu menyaksikan pertambahan ketara perbelanjaan

rakyat negara ini di platform BNPL iaitu RM2.2 bilion antara separuh pertama dan RM4.9 bilion pada separuh kedua tahun lalu.

Tambah Baharom, menerusi BNPL pengguna boleh membeli produk atau perkhidmatan serta-merta melalui bayaran secara ansuran tanpa menyedari adanya caj tersembunyi yang dikenakan.

Katanya, pengguna terutama golongan belia tertarik dengan BNPL kerana ia menawarkan bayaran tanpa faedah, tidak perlu memeriksa rekod kredit individu

dan boleh membayar secara ansuran.

Dalam pada itu, Baharom berkata, kerajaan juga wajar mempertimbangkan untuk menghentikan skim perkhidmatan ini sekiranya ia memberi kesan buruk kepada trend perbelanjaan rakyat.

"BNPL boleh menyebabkan peningkatan hutang rakyat di negara hampir 100 peratus setiap enam bulan. Malah perkhidmatan BNPL juga memberi masalah sejak beberapa tahun lalu di luar negara," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:14 MAR 2025.....

Perkukuh jenama Madani untuk kekalkan kepercayaan rakyat

UM 14/3



BUDIMAN MOHD ZOHD

MALAYSIA Madani adalah projek penjenamaan negara sebagai pendekatan strategik bagi membina persepsi positif dan menyatukan rakyat di bawah satu slogan yang diharapkan boleh memberi impak politik kepada parti pemerintah dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Malaysia Madani merupakan ikhtiar secara bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih manusiawi yang sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat.

Christopher S. Browning dalam bukunya, *Nation Branding and International Politics* menegaskan penjenamaan negara bukan sekadar alat pemasaran tetapi projek politik yang boleh mengukuhkan struktur kuasa sedia ada serta mempengaruhi status dan reputasi sesebuah negara di pentas dunia.

Malaysia Madani bertujuan untuk membina semula naratif negara bangsa yang kukuh sekali gus meyakinkan rakyat bahawa Anwar adalah agen reformasi yang bersedia memacu negara ini ke tahap yang lebih baik.

Malaysia, Keluarga Malaysia dan Malaysia Madani membawa rencah yang cuba meyakinkan rakyat untuk memberi mandat yang besar kepada kerajaan agar dapat membina negara yang lebih baik.

Penjenamaan negara yang berjaya memerlukan keunikan yang autentik, yang boleh meyakinkan rakyat bahawa ini adalah sesuatu yang perlu disokong. iMalaysia hampir berjaya, namun digagalkan oleh skandal 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

Setiap penjenamaan semula diperkenalkan dengan harapan ia dapat menjadi asas kepada pembinaan keyakinan rakyat terhadap polisi dan aktiviti kerajaan, meresap ke dalam minda rakyat sekali gus diterjemahkan dalam bentuk sokongan kepada parti pemerintah dalam pilihan raya



MADANI boleh menjadi lebih daripada sekadar jenama, ia boleh menjadi legasi kepemimpinan yang diingati oleh generasi akan datang.

akan datang.

Memasuki tahun ketiga pentadbiran Anwar, Malaysia Madani perlu menjalani proses retrospektif dan muhasabah diri mengukur sejauh mana jenama ini telah membantu meningkatkan penerimaan rakyat terhadap polisi dan agenda kerajaan.

Salah satu cara untuk menilai keberkesanan jenama ini adalah melalui Indeks Kebahagiaan Rakyat. Sebagai contoh, di negara maju seperti Denmark dan Finland, indeks kebahagiaan rakyat menjadi petunjuk utama kejayaan polisi kerajaan. Rakyat yang puas hati dengan sistem kesihatan, pendidikan dan peluang pekerjaan akan lebih cenderung menyokong kerajaan.

Namun kita jangan terperangkap dengan unjuran indeks itu tanpa mengambil kira psikologi dan sosiologi setempat. Jalurnya mudah. Jika rakyat merasakan perkhidmatan kerajaan memberi impak positif kepada kehidupan mereka, maka jenama ini akan lebih mudah diterima dan dihargai. Justeru, kegembiraan rakyat harus dibingkai secara strategik oleh pasukan komunikasi kerajaan dalam setiap Kementerian.

Oleh itu, kerajaan boleh mengadaptasi pendekatan ini dengan lebih proaktif dalam memastikan dasar-dasar yang diperkenalkan benar-benar

memberi manfaat kepada rakyat.

Namun, jika dilihat komentar dan reaksi rakyat di media sosial atau arus perdana, naratif Malaysia Madani memerlukan tindakan yang bersepadu lagi serius.

Hampir apa sahaja kenyataan pemimpin kerajaan biar pun dalam hal yang bukan politik mendapat reaksi negatif (ketawa, marah dan terkejut) melebihi reaksi suka. Ia satu senario yang hampir sama detik-detik akhir sebelum kejatuhan Barisan Nasional (BN) pada 2018.

MEMPERTEGUHKAN JENAMA

Memperlembatkan jenama Malaysia Madani berhadapan dengan situasi mencabar namun ia bukan sesuatu yang mustahil. Malaysia Madani belum gagal, ia memerlukan keberanian dan penambahbaikan supaya jenama ini terus popular dan dirasai rakyat.

Ia tidak boleh sekadar 'perniagaan seperti biasa', dengan hanya melakukan perubahan kosmetik seperti penjenamaan semula nama bangunan, bantuan atau program yang bentuk dan 'nafasnya' hampir sama dengan jenama terdahulu.

Elemen paling penting ialah kadar pemahaman dan penerimaan dalam kalangan

penjawat awam. Ia h terpenting kerana dari merekalah yang menjadi jambatan penghubung antara kerajaan dan rakyat.

Penjawat awam mesti menampakkan kelainan yang boleh mengingatkan rakyat mengenai kesan kepada kehidupan rakyat.

Rakyat mahukan sebuah kerajaan yang efektif dan efisien. Keberkesanan dasar kerajaan lebih penting berbanding slogan yang dilaungkan. Bagi pembayar cukai, keutamaan diberikan kepada bagaimana wang mereka diterjemahkan dalam bentuk kemudahan asas seperti infrastruktur yang baik, capaian 5G yang meluas, hospital di kawasan luar bandar serta sistem pendidikan yang berdaya saing dan cukup untuk keperluan penduduk.

CABARAN KOMUNIKASI
Penjenamaan Madani mesti dibantu oleh pasukan komunikasi yang pantas kerana musuh pemerintah sentiasa akan terus mengancam dan memberikan serangan propaganda jahat. Dengan kelajuan penyebaran

maklumat melalui algoritma media sosial, kerajaan perlu mempunyai mekanisme intervensi yang pantas dan berkesan.

Setiap Kementerian mesti memiliki pasukan komunikasi yang bersedia menangani sebarang dakwaan yang boleh menjejaskan reputasi kerajaan. Intervensi awal perlu dilakukan terhadap isu-isu sensitif, terutama berkaitan 3R (agama, kaum dan raja) bagi memastikan kestabilan negara terpelihara.

Dalam konteks ini, taklimat harian yang dilaksanakan adalah langkah terpuji bagi memastikan maklumat tepat dapat disampaikan kepada rakyat serta menangkis sebarang salah faham atau fitnah yang berleluasa.

Sebenarnya penyebaran berita palsu dan fitnah boleh diatasi dengan jawapan dan pembuktian yang jelas. Paling penting, penyampaian yang tidak terlalu kompleks kerana ia mesti difahami dan dicerna rakyat.

Cabaran terbesar ialah pengherotan makna yang boleh menyebabkan sesuatu berita positif pun menjadi negatif apabila dipaparkan secara negatif.

Ini memerlukan sinergi antara pasukan komunikasi dan pembuat polisi supaya bergerak seiring agar jenama Madani tidak bergantung kepada sebutan semata-mata, tetapi sejauh mana rakyat terkait dan merasa bangga dengan nilai madani yang dikongsi bersama.

Kalau dibingkai dengan sempurna, jawatan Kengkerusan ASEAN juga boleh dikaitkan dengan nilai Malaysia Madani. Contohnya perjuangan isu Rohingya, seruan kepada Myanmar agar menyelesaikan konflik dalam dan menggalakkan penyelesaian secara dialog adalah nilai yang terangkum dalam Malaysia Madani. Dengan naratif dan promosi yang terancang, nilai madani boleh dibawa ke peringkat global.

Dengan strategi komunikasi yang mantap dan dasar yang relevan, Madani boleh menjadi lebih daripada sekadar jenama tetapi legasi kepemimpinan yang diingati oleh generasi akan datang.

DATUK Dr. Budiman Mohd. Zohdi ialah bekas Ahli Parlimen Sungai Besar.

Collective duty to manage food waste

► From excess to impact, food initiative group has turned bazaar leftovers into aid

■ BY DEEPALAKSHMI MANICKAM
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Ramadan is not just a much-awaited holy month leading up to Hari Raya Aidilfitri celebrations, but also a time when Muslims and non-Muslims unite to enjoy the wide variety of food sold at Ramadan bazaars.

The bazaars showcase Malaysia's rich cultural tapestry, offering Malay, Arab, Chinese, Indian and Western cuisines. However, the abundance of food often results in significant waste.

The MySaveFood@Ramadan initiative has made progress in combating food waste. As of March 11, the initiative has collected and redistributed approximately 11,000kg of unsold food from over 50 bazaars nationwide.

Its director Mohammad Harith Mohd Tarik said while food waste during Ramadan has declined in recent years, it remains a pressing concern that requires continuous attention.

"During Ramadan in 2023, Malaysia disposed of 8,159 tonnes of solid waste daily, with food waste accounting for 2,892 tonnes or 35.45% of the total. Although this represents a 3.07% decrease

compared with previous years, significant progress is still needed."

He said the most commonly wasted items include rice, noodles and traditional delicacies, adding that vendors frequently overprepare in anticipation of high demand, leading to surplus food, while consumer over-purchasing also contributes to large amounts of uneaten food.

"It's a mix of misjudged demand and impulse buying."

Harith said to address the issue, MySaveFood has set up food collection counters at bazaars, such as the one near Stutong Community Market in Kuching, to ensure excess food is redistributed to college hostels, mosques, and those in need.

He said the initiative collaborates with various organisations to facilitate food distribution and promote awareness on mindful consumption.

"We encourage vendors to donate rather than dispose, and we work with volunteers to ensure the food reaches the right hands before it spoils."

Harith emphasised that food safety is paramount during redistribution.

"We follow strict safety measures, including rapid distribution to

maintain freshness, proper storage to prevent spoilage and food labelling with QR codes.

"This allows recipients to provide feedback or raise any concerns. We ensure food quality is never compromised, and recipients can trust what they are consuming."

Harith said despite its success, MySaveFood faces significant challenges, especially a shortage of volunteers.

"Many people are tied up with

personal and religious commitments, making it difficult to maintain a steady workforce," he said, adding that the initiative actively recruits from NGOs, student groups and CSR programmes.

Harith urged the public to volunteer for food collection and distribution efforts, donate to sustain MySaveFood's operations and raise awareness on responsible consumption.

He said over the past five years,

Ramadan food waste has increased by 21%, underscoring the need for sustainable practices.

Harith stressed that while the initiative's efforts represent a significant step forward, lasting change demands collective responsibility.

"We all have a role to play, from vendors to consumers. Ramadan is about gratitude and giving – what better way to observe this than by ensuring no food goes to waste?"



MySaveFood has made progress in combating food waste and has set up collection counters at bazaars to ensure the surplus is redistributed to college hostels, mosques and those in need.
— AMIRUL SYAFIQ/THESUN

THE SUN
14 MAR 2025

Tarikh: